


# 12.7 Isu Kesehatan Berkaitan Sistem Endokrin Manusia

---

# a) Diabetes Melitus


---

- Pesakit tidak menghasilkan insulin yang mencukupi atau tidak boleh menggunakan insulin yang dihasilkan.
- Akibatnya, aras glukosa dalam darah tinggi.
- Pesakit kerap buang air kencing, sentiasa berasa haus, rasa kebas pada tapak kaki, penglihatan kabur, letih dan luka lambat sembuh.
- Sebaliknya, rembesan berlebihan insulin menyebabkan hipoglisemia iaitu paras glukosa darah yang sangat rendah.
- Antara simptom hipoglisemia ialah letih, sukar tidur pada waktu malam, pemikiran bercelaru, perasaan takut, ketidakstabilan emosi, mudah pengsan dan sakit kepala.



# b) Diabetes Insipidus

- lobus posterior kelenjar pituitari gagal merembeskan hormon antidiuresis (ADH).
- Akibatnya, pesakit akan menyingkirkan air kencing yang banyak dan sentiasa berasa haus.
- Oleh sebab kuantiti air yang banyak hilang melalui air kencing, individu tersebut mengalami penyahhidratan sekiranya tidak minum air yang mencukupi setiap hari.



# c) Hipotiroidisme

---

- Disebabkan rembesan tiroksina tidak mencukupi.
- Simptom:
  - kadar denyutan jantung yang perlahan,
  - amat sensitif terhadap kesejukan,
  - letih
  - berat badan yang mudah meningkat.

## Hypothyroidism Signs and Symptoms



### Fatigue

This may be the case after experiencing continual chronic sleepiness, headaches, or dizziness.



### Weight Gain

An unexplainable weight gain, with no change in diet and exercise, that may occur rapidly.



### Dry Skin

Certain disorders like hypothyroidism can suck moisture out of the skin to uncomfortable levels.



### Hair Loss

Severe and prolonged hypothyroidism can lead to hair loss around the entire scalp.



### Constipation

Low thyroid production in hypothyroidism can often cause constipation over a period of time.

## d) Hipertiroidisme

---

- Berlaku sekiranya rembesan tiroksina terlalu banyak.
- Simptom:
  - perpeluhan secara berlebihan
  - tidak tahan panas
  - kerap buang air besar
  - Takut
  - kadar denyutan jantung cepat
  - mudah kehilangan berat badan
- Kadang-kadang kelenjar tiroid akan membesar dua hingga tiga kali lebih besar daripada saiz asal





## e) Keergasian

---

- Berlaku kerana rembesan hormon pertumbuhan (GH) secara berlebihan sewaktu usia kanak-kanak
- dicirikan oleh pemanjangan tulang yang abnormal
- Individu tersebut membesar sehingga menjadi sangat tinggi.

## f) Kekerdilan

---

- Berlaku kerana kekurangan rembesan hormon pertumbuhan (GH) semasa tempoh pembesaran yang melambatkan pertumbuhan tulang
- Organ juga gagal berkembang dan nisbah bahagian badan kekal seperti kanak-kanak.

